

Sinar Rohani

سینار روhani

Pembimbing
Ummah

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA / Bil. 01 Tahun 2020 / www.islam.gov.my

*Islam dan Semasa:
Isu Fahaman Islam Liberal
& Pluralisme Agama*

*Global:
Garis Panduan Tatacara
Pengurusan Jenazah
Orang Islam Covid-19*

*Isu:
Ingatan Semua Umat Islam*

KUARANTIN

PERCUMA

ISBN 978-967-2424-03-1



9 789672 424031

KUARANTIN

COVID-19

AMARAN

COVID-19
QUARANTINE

COVID-19
AMARAN

286.640

564.225



ANGKARA VIRUS MANUSIA PUPUS

**(TRIBUT BUAT DUNIA YANG SEDANG SAKIT)
RAMLEE WAHAB**

Manusia, baru mendapat sedikit kuasa
jadi bongkak dan nafsunya menggelegak
lupa asal-usul jadi syaitan penasaran.

Manusia, tidak selayaknya digelar
manusia bila hakikatnya serupa
haiwan diseksa dan dimakan.

Manusia, penuh fasik licik dan kufur
kata bicara terhambur kotor, segala
kebenaran didustakan, itulah manusia
mencipta pelbagai alasan jadi tidak
berperikemanusiaan, pamer kezaliman
mendusta wujudnya Tuhan.

Mereka bangsa besar, kuasai tanah besar
lautan mahu besar, tabur pelaburan besar
tambak lautan biar daratan menjadi besar
tamak haloba juga nafsu serakahnya besar.

Kuasanya amat besar tapi niatnya kesasar
kotarayanya mega mencakar langit tapi musibah
penyakit menimpa komunitinya ramai sakit
pasar raya menjalar megah, tapi kosong sudah
apartmen menjulang mewah, tapi penghuninya
digelut resah terkurung gelisah
mereka terkejut terpinga-pinga bila ramai tumbang
nyawa pun hilang.


Pesakit semakin ramai mati
doktor turut menjadi mangsa
menyelamat nyawa hingga
virus meragut nyawanya.

Mereka kononnya melancung
membawa untung, tapi nyata
'pepatnya luar dalamnya rencung'.
Mereka jadi duta pendusta
merebak virus bawa sengsara
mendobrak jiwa meragut nyawa.

Seluruh dunia berkongsi derita
sengsara deritai onar virus corona
meski seluruh wilayah kian lumpuh
bila ditimpa sakitnya tanpa sembah.

Kini kuasa tidak lagi ampuh
ayuhlah berusaha tidak bertangguh
kita bersatu memerangi musuh halimunan
kita tempuh, kita rempuh mencari penawar
dalam gelap penghujung terowong ada sinar.

KANDUNGAN



©Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan
mengeluar ulang mana-mana bahagian
artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah
ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai
cara sekalipun, sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada
ketua pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara online oleh
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan
perubahan ke atas karya yang dikirimkan
selagi tidak mengubah isi kandungannya.
Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan
semula dengan syarat mendapat keizinan
daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua
sumbangan yang dikirimkan sama
ada disiarkan atau tidak, tidak akan
dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak
bertanggungjawab berkaitan kehilangan
tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini
tidak semestinya mencerminkan pendirian
dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat
penulis sendiri.

- 2 Sajak / Puisi**
Angkara Virus Manusia Pupus
- 4 Laman Pengarang**
- 5 Pengurusan Islam**
Apa Itu Covid-19?
- 7 Aqidah**
Hari Kiamat
- 9 Isu**
Ingatan Semua Umat Islam
- 12 Islam Dan Semasa**
Isu Fahaman Islam Liberal & Pluralisme Agama
- 14 Halal Dan Haram**
Arak Memudaratkan Manusia
- 16 Undang- Undang Islam Di Malaysia**
Akta 559 – Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- 19 Sains Dan Islam**
Etika Bedah Siasat Mayat Menurut Islam
- 23 Cerpen**
Kerusi Roda Dan Bakul
- 27 Global**
Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Covid-19
- 32 Muamalat**
Zakat Barang-Barang Perniagaan
- 34 Sinar Jumaat**
Ujian Dan Janji Kemenangan
- 38 Tadabbur**
Allah Tuhanmu Dan Tuhan Kamu



Ramadhan yang penuh berkat telah hilang dan akan muncul kembali pada tahun hadapan. Lamanya untuk bertemu kembali. Apakah sempat atau tidak untuk bertemu Ramadhan lagi?

Bulan Ramadhan banyak memberi keinsafan kepada seluruh umat Islam yang direzekikan mendapat hidayah dan petunjuk daripada Allah.

Ramadhan pergi Syawal pula menjelma. Syawal adalah bulan kemenangan bagi orang-orang yang bertaqwa sepanjang Ramadhan. Syawal bulan kemerdekaan jiwa bagi mereka yang bersungguh-sungguh berpuasa sepanjang Ramadhan. Syawal bulan kegembiraan bagi mereka yang berhempar pulas bermujahadah menahan lapar dan dahaga sepanjang Ramadhan.

Syawal bulan umat Islam yang berjaya dalam puasanya untuk menyambut hari raya. Syawal bulan bermaaf-maafan sesama insan. Segala sengketa mohon diampuni sepanjang Syawal tiba.

Syawal bulan semua umat Islam berkasih sayang, bulan umat Islam buang yang keroh ambil yang jernih. Syawal bulan semua insan menjamu juadah berhari raya, bulan fakir miskin kaya sama sahaja bergembira penuh riang ria.

Begitulah Maha Baiknya Allah, diperintahkan hamba-Nya berpuasa selepas itu diberinya hiburan seisi keluarga dengan adanya hari raya. Maha Adilnya Allah terhadap hamba-hamba-Nya. Terima kasih Allah di atas segala kebaikan-Mu itu.

Pengarang SR

Sidang Redaksi

PENAUNG

Dato' Paimuzi bin Yahya
Ketua Pengarah JAKIM

PENASIHAT

Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh
Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM

KETUA PENGARANG

Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani

PENGARANG

Bakri bin Amboala

PENOLONG PENGARANG

Dr. Zamihan bin Mat Zin

PENYUNTING

Dyg Sitiawa binti Pgn Shamsudin
Rozlinah binti Ismail

Mah Lee@ Hajjah Mariam binti Abdullah
Nazirah binti Abu Bakar

PENOLONG PENYUNTING

Hamidah binti Ishak

PEMBANTU PENGARANG

Khairul Anuar bin Shamsudin

PENGURUS EDARAN

Siti Atikah binti Mohamad

PEMBANTU EDARAN


Shuhaidil bin Shukri
Wan Mohd Nazmi bin Wan Mohd

REKABENTUK & PERCETAKAN

ZAZ Alliance

APA ITU COVID-19?

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee.
Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM.



COVID-19 adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit daripada selsema hingga kepada penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV.

Saranan WHO dan Langkah Pencegahan



Kerap mencuci tangan



Menutup mulut dan hidung ketika bersin dan batuk



Masak daging dan telur dengan sempurna



Elak bersentuhan dengan individu yang mempunyai gejala



Duduk rumah

Langkah PENCEGAHAN (1) Perlindungan Rohani

1 Berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT

*Dan Tuhan kamu berfirman:
Berdoalah kamu kepadaKu nescaya
Aku perkenankan doa permohonan
kamu. (Surah Ghaafir, 40:60)*

2 Banyakkan istighfar, zikir, selawat ke atas Nabi SAW

Zikrullah (mengingati Allah SWT) merupakan amalan yang paling utama di sisi Allah SWT: “...dan sesungguhnya mengingati Allah itu adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya). (Surah al-Ankabut 29: 45)

3 Solat subuh tepat pada waktunya

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesiapa yang bersolat subuh maka dia akan sentiasa berada dalam perlindungan Allah SWT.” (Riwayat Muslim: 657)

4 Solat Dhuha

Allah SWT berfirman (Hadith Qudsi), maksudnya; “Wahai anak Adam, solatlah 4 rakaat (dhuha) untuk Ku pada awal hari, nescaya Aku sempurnakan bakihari mu.” (Riwayat al-Tirmizi: 475)

Doa sebelum keluar

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Dengan nama Allah, aku berserah diri kepada-Nya dan tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan-Nya.
(Riwayat Abu Daud: 5095)

Doa agar dilindungi daripada penyakit

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَبَبِي الْأَسْقَامِ

Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk. (Riwayat Abu Daud: 1554)

Doa dilindungi daripada musibah

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهَدِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَهَادَةِ الْأَعْدَاءِ

Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada kesusahan musibah, daripada fitnah kecelakaan, daripada nasib yang buruk dan dari kegembiraan musuh yang jahat. (Riwayat al-Bukhari: 6347)

**Langkah PENCEGAHAN (2)
Perlindungan Rohani****1 Duduk di rumah**

Jangan keluar rumah melainkan betul-betul perlu. Sekiranya perlu keluar untuk mendapatkan barang keperluan rancanglah dengan teliti supaya dapat membeli barang dengan secukupnya untuk mengelakkan kekerapan keluar rumah.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Keselamatan bagi seseorang itu pada zaman fitnah (terutama penyakit berjangkit) ialah bahawa dia menempatkan diri di dalam rumahnya. (Sahih al-Jami' al-Soghiri: 3649)

- 2 Jauhi tempat-tempat yang berisiko**
Elakkan berada di tempat-tempat sesak dan berisiko.

3 Penjarakan sosial

Pastikan anda sentiasa menjarakkan diri 1 meter dari orang lain dalam semua keadaan.

4 Sekiranya anda keluar rumah, pastikan;

- Pakai penutup muka, dan buang dengan teratur selepas diguna
- Elakkan menyentuh mata, hidung dan mulut
- Sentiasa menggunakan hand sanitizer dan basuh tangan sekerap mungkin terutamanya apabila balik ke rumah

Allah SWT melarang perbuatan yang mendedahkan kepada kemudarat. Firman-Nya yang bermaksud : "...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kedalam bahaya kebinasaan". (Surah al-Baqarah, 2:195)

**Langkah PENCEGAHAN (3)
Perlindungan Rohani****Langkah yang perlu diambil apabila terdapat gejala**

- Mengasingkan diri (kuarantin)
- Berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT
- Sentiasa mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pakar kesihatan
- Jangan berlengah untuk mendapatkan bantuan sekiranya anda memerlukan pertolongan
- Dilarang berhimpun, bersesak-sesak dan sembang dekat.

HARI KIAMAT

Bakri bin Amboala
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hari Kiamat bermula dengan tiupan sangkakala yang pertama. Melalui tiupan tersebut matilah segala yang hidup di langit dan di bumi. Firman Allah SWT yang bermaksud;

“Dan ditiuplah sangkakala, maka matilah sesiapa yang di langit dan di bumi kecuali mereka yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi, maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (keputusan masing-masing). (Surah az-Zumar : 68)

Semua makhluk binasa kecuali zat Allah SWT dan apa-apa yang dikehendakiNya seperti syurga dan neraka serta Israfil yang meniup sangkakala. Israfil adalah makhluk yang terakhir mati dan yang pertama hidup semula untuk meniup sangkakala yang kedua. Tempoh masa antara tiupan pertama dan kedua ialah empat puluh tahun.

Setelah ditiup sangkakala yang kedua maka hiduplah segala yang mati dengan kembalinya roh kepada badan masing-masing dan kembalilah segala anggota yang berkecualian daripada badan ketika hidup hinggakan rambut, kuku dan kulup yang dipotong ketika berkhatan. Orang yang pertama yang dihidupkan semula dan dibangkitkan dari kuburnya ialah Nabi kita, Muhammad SAW.

Huru-Hara Kiamat

Huru-hara kiamat sangat dahsyat. Ia digambaran dalam firman Allah yang bermaksud;

“Wahai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu. Sesungguhnya kegoncangan hari kiamat itu adalah suatu kejadian yang sangat besar (dahsyat). (Ingalah) pada hari ketika kamu melihat kegoncangan itu, lalailah semua

wanita yang menyusui anaknya daripada anak yang disusuinya dan gugurlah kandungan segala wanita yang hamil, dan kamu lihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal sebenarnya mereka tidak mabuk, akan tetapi azab Allah itu sangat keras.” (Surah al-Hajj : 1-2)



Huru-Hara di Padang Mahsyar

Imam Muslim meriwayatkan dengan sanadnya daripada Aisyah dan Ibn Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “*Akan dihimpunkan manusia pada hari kiamat dalam keadaan bertelanjang, berkaki ayam dan tidak berkhitan. Aisyah RA berkata: Ya Rasulullah! Lelaki dan wanita (dihimpunkan) bersama? Sebahagian mereka memandang kepada yang lain? Jawab Rasulullah SAW: Wahai Aisyah! Keadaan pada hari itu lebih dahsyat daripada keinginan melihat antara satu sama lain*”.

Allah SWT menjelaskan tentang keadaan manusia ketika keluar dari kubur masing-masing menuju Padang Mahsyar dengan firmanNya yang maksudnya; “*Iaitu hari mereka segera keluar dari kubur masing-masing menuju (ke Padang Mahsyar) dengan keadaan seolah-olah mereka berkejarian ke (tempat) berhala-berhala (yang mereka sembah dahulu)*”. (Surah Al-Ma’arij: 43)

Inilah kedahsyatan hari kiamat yang Allah jelaskan dengan firmanNya bermaksud: “*Dan (ingatkanlah) hari Kami bongkar dan terbangkan gunung-ganang dan engkau akan melihat (seluruh) muka bumi terdedah nyata; dan Kami himpulkan mereka (di padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorangpun daripada mereka.*” (Surah Al-Kahf: 47) SR



YB Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

1. Fahamilah maksud sebenar ibadah umrah.

- Imam al-Nawawi pada awal mukadimah kitabnya menyeru kepada bakal haji dan umrah supaya bertaubat daripada segala maksiat dan segala perkara yang makruh serta berusaha mengislahkan diri. (Lihat al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-Umrah, hlm. 48)
- Apakah niat kita menunaikan umrah? Ambil waktu yang sunyi, hening di tengah malam semasa bermunajat kepada Allah SWT untuk bertanya kepada diri kita soalan tersebut. Saya amat pasti, tidak ada yang menunaikan umrah hanya untuk melancong dan berseronok. Umrah adalah pengembalaan rohani seseorang untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

2. Fikir terlebih dahulu sebelum bertindak.

Adakah tindakan itu menguntungkan diri, keluarga dan negara atau sebaliknya? Dalam urusan ibadah, kita wajib mengikut syarak, bukannya mengikut hati dan perasaan.

Apatah lagi jika seseorang itu dikenali ramai, sudah tentu apa jua bentuk tindakannya akan diperhatikan. Yahya bin Sa'id al-Ansari berkata:

Maksudnya: **“Jangan berbuat sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu, kerana anda di hadapan mereka yang memerhati anda.”** (Lihat Tarikh Dimasyq, 50/357)

3. Agensi pengelola umrah wajib bertanggungjawab sepenuhnya.

Mereka hendaklah memelihara dan membimbing jemaah supaya sentiasa mengikut hukum syarak dan undang-undang setempat.

Sepatutnya pengelola sentiasa memberi panduan dan peringatan kepada jemaah mereka agar menepati kehendak ibadat itu sendiri.

4. Allah SWT Maha Kuasa

Allah SWT tidak perlu tunduk kepada kehendak sesiapa untuk memberikan dosa atau pahala. Dia boleh melaksanakannya pada bila-bila masa, tempat dan keadaan yang dikehendaki-Nya. Sedikit firman-Nya untuk renungan kita:

Maksudnya: ***“Dan kalaullah Allah mengirakan kesalahan manusia serta terus menyeksa mereka disebabkan amal-amal jahat yang mereka telah kerjakan, tentulah Dia tidak membiarkan tinggal di muka***



bumi sesuatu makhluk yang bergerak; akan tetapi (dia tidak bertindak dengan serta merta, bahkan) Dia memberi tempoh kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu; kemudian apabila sampai tempoh mereka (maka Allah akan membala masing-masing dengan adilnya), kerana sesungguhnya Allah sentiasa Melihat keadaan hamba-hambanya.”

(Surah Fatir: 45)

5. Jujurlah kepada diri sendiri.

Seseorang itu lebih tahu hakikat dirinya. Justeru, jadilah kita sebagai diri kita yang hakiki, bukan dibuat-buat. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: ***“Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.”*** (Surah al-Isra': 7)

6. Jangan mudah memberi komentar.

Hal ini saya tujukan kepada semua termasuk diri ini terutamanya netizen supaya memahami latar belakang isu terlebih dahulu disamping meraikan adab, tabayyun (selidik) dan uslub (gaya) dakwah yang akan memberi banyak kesan samada positif atau negatif.

Gunakan bahasa yang baik atau teguran yang membina. Budayakan dan amalkan prinsip *al-Din al-Nasiyah* (agama itu adalah nasihat) mengikut kehendak Nabi SAW.

Hukum Umrah Transgender

Saya nyatakan seperti berikut:

- Wajib bagi seorang transgender (mukhannas) menunaikan umrah dengan jantina asalnya. Walaupun umrahnya sah jika mematuhi rukun umrah, perbuatannya tetap haram dan dikira berdosa. Malah, dia boleh dikenakan dam kerana melanggar wajib umrah. Masalah ini disebut oleh para fuqaha sebagai *infikak al-jihadh* (hukum yang terpecah kepada beberapa bahagian).
- Perkara ini juga bertepatan dengan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke 28 Musim Haji 1433H pada kertas kerja bertajuk *Khunsa Dan Mukhannas Dalam Permasalahan Ibadat Haji*. Muzakarah menyimpulkan bahawa bagi *mukhannas* semulajadi atau yang disengajakan, telah melakukan pembedahan tukar jantina atau tidak dan kes menukar jantina dengan melakukan pembedahan bukan disebabkan keharusan syarak, maka hukum individu tersebut termasuk ibadat haji dan umrah hendaklah mengikut hukum asal kejadian dirinya. Dalam konteks itu ini, umrah si fulan seorang transgender wajib secara syarak sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan Hadith untuk beribadah dan berpakaian seperti lelaki.

Ambillah peluang sementara berada di Tanah Suci Mekah dan Madinah beribadatlah kepada Allah dengan sungguh-sungguh di samping mengisi masa dengan acara-acara ibadat seperti berikut:

- Banyakkan bertaubat dan beristighfar
- Banyakkan berselawat ke atas Nabi SAW

- Banyakkan solat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi

Saya doakan semoga Allah SWT kurniakan kebaikan, taufiq dan hidayah dan jadikanlah umrah kali ini sebagai satu titik perubahan dalam kehidupaan anda, amin.

Bak kata HAMKA, “Hidup hanya sekali, justeru biarlah bererti.”

Saya akhiri dengan doa:

Maksudnya: ***Ya Allah, tunjukkanlah kepada kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan rezekikan kami untuk mengikutinya. Ya Allah tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan dan rezekikan kepada kami untuk menjauhinya.*** SR



Isu Fahaman Islam Liberal & Pluralisme Agama

Dr. Zamihan bin Mat Zin
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penerbitan.

Ancaman akidah yang terbesar masa kini ialah gerakan Islam Liberal yang memberikan impak negatif kepada masyarakat. Islam Liberal merupakan satu aliran pemikiran yang menghendaki kepada keterbukaan dalam berijtihad yang melampaui batas-batas agama yang telah sedia ada sebelumnya di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Maka ideologi ini jelas terpesong daripada akidah umat Islam yang menetapkan bahawa Allah SWT tidak menyerupai sesuatu yang ada di atas muka bumi ini. Ia selari dengan firman Allah SWT:

Maksudnya:- **Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia dan Dialah yang Maha Mendengar dan Maha Melihat.** (Surah Asy-Syuura: 11)

Gambaran ayat tersebut sangat jelas membuktikan bahawa tidak ada persamaan antara Tuhan sebagaimana yang cuba didakyahkan oleh golongan Islam liberal. Apabila kanser persamaan ini diterima maka umat Islam mula dikhawatir merasa ragu-ragu dengan Allah SWT tentang keesaanNya. Mana mungkin Tuhan yang disembah oleh penganut agama Budha, Hindu, Kristian dan Yahudi menyembah tuhan yang satu kerana mereka menyekutukan Allah SWT.



Aliran liberalisme yang lahir di barat merupakan lanjutan daripada zaman Renaissance (kebangkitan) yang berlaku di Eropah. Ia terhasil daripada tindak balas kaum intelek Eropah terhadap penindasan gereja terhadap ilmu/sains dan juga teori-teori palsu ciptaan cendekiawan Yahudi untuk memusnahkan agama Kristian.

Aliran pemikiran ini bertujuan untuk meningkatkan kebebasan yang diberi kepada individu. Antara sifat-sifat fahaman liberalisme ialah kebebasan diberikan kepada individu tanpa had atau sempadan.

Ia mempunyai gagasan pemikiran seperti berikut:

- a) Individu lebih penting daripada masyarakat.
- b) Masyarakat wujud untuk individu.
- c) Individu bebas daripada ikatan agama.

Gerakan liberalisme dari sudut agama dipelopori oleh Martin Luther (1483 –1546M) seorang tokoh Protestan disebabkan oleh penindasan dan keganasan gereja Katolik sebelum zaman Renaissance. Gerakan ini cuba membebaskan pengikut agama Kristian daripada kuasa gereja dari segi spiritual ke atas individu. Hasilnya ia berjaya membentuk mazhab baru bernama Protestan pada abad ke 16M.

Antara prinsip penting bagi mazhab Protestan ialah:

“Menjadi hak individu Kristian untuk membaca kitab suci dan mentafsirnya sendiri tanpa terikat dengan tafsiran paderi-paderi”. (Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini, Penyelenggara; Sulaiman Nordin, halaman 170–172)

Sebagaimana Ideologi Liberal atau Liberalisme di Barat yang terbina di atas kebebasan individu (dari cengkaman agama) dan perasaan syak atau ragu terhadap agama, maka begitu juga dengan fahaman Islam Liberal. Fahaman Islam Liberal berakar pada kebebasan akal tanpa batasan ditambah pula dengan perasaan syak dan ragu terhadap Islam.

Bagi pendokong fahaman Islam Liberal, tidak ada di dalam agama suatu yang dianggap kudus dan suci yang tidak boleh dikritik atau dipertikai. Sepertimana muktazilah, golongan Islam Liberal meletakkan akal lebih tinggi dari wahyu. Kerana itu mereka layak digelar

muktazilah moden atau neo-muktazilah. Bagi mereka, penerimaan terhadap wahyu hendaklah berasaskan kepada penilaian akal dan rasional semata-mata.

Tidak ada yang dapat dikategorikan sebagai *Qat'iyyat* atau *Musallamat* iaitu ajaran-ajaran agama yang mesti diterima kebenarannya tanpa merujuk kepada akal terlebih dahulu sebagaimana yang menjadi pegangan umat Islam selama ini. Semua ajaran dalam agama bagi mereka adalah *dzanniyyat* (tidak pasti) dan *muhtamalat* (mengandung pelbagai kemungkinan). Oleh demikian, ia tertakluk kepada penerimaan akal dan rasional.

Golongan Islam Liberal tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, tetapi berselindung disebalik gagasan mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Quran, menilai semula as-Sunnah dan menapis semula hukum-hakam Syariat dan Fiqh. Mereka menolak segala tafsiran yang dianggap lama dan kolot mengenai agama termasuklah dalam perkara yang telah menjadi ijmak ulama. Bagi mereka, agama hendaklah ditundukkan kepada *waqi'* (realiti) semasa sekalipun terpaksa menafikan hukum-hakam dan peraturan agama yang telah sabit dengan nas-nas syarak secara qat'ie (muktamad). Jika terdapat hukum yang difikirkan tidak menepati zaman dan kemodenan maka hukum itu hendaklah ditakwilkan atau sebolehnya digugurkan. Nauzibillah!. SR



Arak Memudaratkan Manusia

Hajah Mariam binti Abdullah
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Allah SWT telah mencipta manusia dalam sebaik-baik kejadian dan melantik manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini sebagai khalifah, dia haruslah banyak menggunakan akal dan menggunakan rasional daripada emosi dan nafsu.

Telah dibuktikan oleh dunia bahawa arak adalah sejenis minuman yang boleh menggugat dan mencacatkan akal fikiran serta tubuh badan seseorang. Ia menjadikan peminumnya tidak rasional. Apabila seseorang itu mabuk maka dia tidak dapat mengawal dirinya sendiri. Oleh itu, kelakuan, tabiat dan tingkah lakunya adalah lebih dahsyat daripada haiwan, lebih rendah dan lebih hina daripada binatang. Allah SWT memerintahkan kita menjauhkan diri daripada arak dengan firman-Nya yang bermaksud;

“Wahai orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.” (Surah Al-Ma’idah: 90)

Untuk menjamin supaya seseorang itu tetap kekal utuh sebagai manusia, maka Hukum Syarak

mengenakan hukuman berat ke atas peminum arak iaitu 40 kali sebatan. Mengetahui bahawa manusia tidak boleh mengawal nafsunya, dan untuk mencegah seseorang itu melakukan dan terlibat dengan arak, walaupun secara kecil-kecil kerana takut merebak menjadi ketagih, maka Islam melarang umatnya daripada meminum arak secara total. Ia tidak boleh berjinak-jinak dengan arak kerana bahaya berjinak-jinak itu adalah besar sekali. Islam melarang bukan sahaja meminum arak tetapi juga pembuat, pengilang, pengedar, pengimport, penjual, pengangkat, pembasuh gelas dan mana-mana hasil yang terbit daripada arak.



Masyarakat umum di seluruh dunia iaitu dunia Islam dan bukan Islam telah sedar dan insaf tentang bahaya arak dalam memandu kenderaan di jalan raya. Kempen “if you drink, don't drive” amat berkesan di seluruh dunia. Dahulunya, dunia barat mengejek-ejek masyarakat yang tidak meminum arak sebagai masyarakat yang tidak bertamadun, masyarakat kuno dan masyarakat tidak berpendidikan. Dunia barat menggambarkan arak sebagai suatu minuman sosial yang melambangkan kekayaan, bangsawan dan masyarakat sofistikated. Selepas beberapa ratus tahun mereka bergelumang dalam alam khayalan yang disebabkan oleh arak, dan selepas melihat budaya arak dalam kehidupan mereka sehari-hari, maka sekarang barulah mereka insaf bahawa sebenarnya mereka lah masyarakat yang tidak bertamadun. Bahkan mereka merupakan golongan yang lebih kuno dan lebih jahiliah daripada mereka yang tidak meminum arak. Malangnya, mereka malu untuk menerima hakikat itu.

Sebab-Sebab Kemudaratatan Arak

- i. Arak boleh mencacatkan akal fikiran manusia dan merosakkan minda dan kebijaksanaan akal seseorang.
- ii. Arak adalah ibu segala maksiat. Apabila seseorang itu mabuk, dia boleh melakukan segala maksiat lain termasuklah membunuh, merogol, mencedera dan sebagainya.
- iii. Arak boleh membahayakan tubuh badan manusia. Apabila seseorang itu menjadi alkoholik, ianya bukan lagi termasuk dalam golongan manusia tetapi telah merendahkan martabatnya ke peringkat haiwan.



- iv. Orang yang mabuk tidak lagi bertanggungjawab sama ada kepada dirinya sendiri, usahakan kepada orang lain. Dia juga hilang rasa bertanggungjawab kepada negara dan dengan itu boleh melakukan pemusnahan harta negara dan harta orang lain.
- v. Arak membawa penyakit lain seperti penyakit darah tinggi, serangan jantung dan sebagainya.

Oleh sebab Allah SWT sangat sayang kepada manusia kerana Allah Maha Pemurah dan Penyayang, maka sifat Allah SWT yang Maha Penyayang itu dimanifestasikan dalam bentuk larangan terhadap meminum arak menurut Islam. **SR**

AKTA 559

**AKTA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997**

KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN 'AQIDAH

Dr. Yusri bin Chek
Pensyarah Darul Quran.

Seksyen 3 – Pemujaan salah

- (1) Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.



Seksyen 4 – Doktrin palsu

- (1) Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.



Seksyen 5 – Mengembangkan doktrin agama, dsb

Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.



Seksyen 6 – Dakwaan palsu

Mana-mana orang yang

- (a) mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali; atau
- (b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia, sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. SR



ETIKA BEDAH SIASAT MAYAT MENURUT ISLAM

Mohd Fahimi bin Zakaria
Management & Science University (MSU) Shah Alam.

Kaedah melakukan bedah siasat mayat bukanlah sesuatu yang mutlak. Individu atau kumpulan yang terlibat dalam urusan bedah siasat mayat perlu memenuhi etika yang digariskan oleh syarak antaranya;

1 Menghormati, menjaga hak mayat sebagai manusia.

Semua pegawai dan petugas perubatan kerajaan yang terlibat dalam proses bedah siasat hendaklah menghormati mayat seperti manusia yang masih hidup. Islam menyuruh orang yang masih hidup supaya menjaga kemuliaan, hak-hak dan kehormatan orang yang telah mati sepetimana orang hidup tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Islam milarang seseorang menganiayai seseorang yang lain sama ada pada diri, maruah dan harta mereka. Firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 70 bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan

di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka daripada benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”

2 Menyegerakan urusan bedah siasat mayat.

Urusan bedah siasat mayat hendaklah dijalankan dengan segera supaya selaras mengikut kehendak syarak yang mewajibkan mayat diuruskan dengan segera, sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA. berkata: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Segeralah penyelesaian pengurusan jenazah kerana kalau ia jenazah orang soleh maka bererti kamu menyegerakan kepada kebaikan dan apabila sebaliknya (mayat yang tidak soleh) maka bererti kamu telah melepaskan kejahatan dari bahumu”. (Riwayat Muslim)

3 Memohon Kebenaran Waris.

- Bagi kes-kes bedah siasat *clinical*, Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mendapat kebenaran daripada waris untuk melakukan bedah siasat.
- Bagi kes-kes bedah siasat *medicolegal*, kebenaran dari waris tidak diperlukan untuk melakukan bedah siasat.

4 Melakukan bedah siasat dengan cermat.

Pembedahan hendaklah dilakukan dengan cara cermat supaya tidak merosakkan kehormatan dan kemuliaan mayat. Hadis Rasulullah SAW

yang bermaksud; Daripada Aisyah RA Rasulullah SAW bersabda;

“Memecahkan/mematahkan tulang mayat sama seperti memecahkannya/mematahkannya sewaktu hidupnya”.

(Riwayat Abu Daud)

5 Melakukan bedah siasat mayat berdasarkan keperluan.

Bedah siasat mayat yang dilakukan tidak boleh melampaui batas atau had rukhsah yang dibenarkan kerana mengambil kira hukum asal menyakiti mayat adalah haram. Oleh itu, bedah siasat mayat boleh dilakukan ke atas mana-mana anggota mayat yang diyakini boleh membantu mencapai matlamat pembedahan dan mengenal pasti sebab-sebab kematian. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqhiyyah iaitu ‘perkara darurat adalah dikira mengikut kadarnya’.

6 Menjaga aurat mayat.

Orang yang melakukan bedah siasat mayat hendaklah tidak boleh dengan sengaja melihat aurat mayat kecuali pada kadar yang diperlukan sahaja. Diriwayatkan dari Saidina Ali KWH, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Janganlah kamu nyatakan (perlihatkan) pahamu, dan janganlah kamu memandang kepada paha orang hidup dan orang mati”. (Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Mayat sewajarnya diuruskan oleh petugas dari jantina yang sama. Kaedah ini merujuk kepada keputusan Persidangan *Majma‘ al-Fiqh al-Islami* di Brunei Darussalam pada 21 – 27 Jun 1993 mengenai wanita yang ingin mendapatkan



rawatan perlu mengikut keutamaan berikut;

- a. Doktor perempuan muslim pakar.
- b. Doktor perempuan bukan muslim pakar.
- c. Doktor lelaki muslim pakar.
- d. Doktor lelaki bukan muslim pakar Islam mengharuskan rawatan lelaki terhadap perempuan dan sebaliknya dengan syarat-syarat seperti berikut;
 - i. Tidak bersendirian.
 - ii. Menahan pandangan mata.
 - iii. Menyentuh di tempat yang berkaitan.
 - iv. Menyediakan doktor pakar mengikut jantina.

7

Menjaga rahsia mayat.

Pegawai dan petugas perubatan kerajaan yang terlibat dalam bedah siasat mayat hendaklah menyimpan rahsia mayat, iaitu tidak mengaibkan dan tidak mendedahkan keadaan mayat kepada pihak yang tidak berkenaan.

8

Tidak menghina dan mengaibkan mayat.

Pegawai dan petugas perubatan kerajaan yang terlibat dalam pengendalian mayat tidak boleh menghina, mencemuh atau memaki mayat. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Daripada Ibn Umar telah berkata: Sabda Rasulullah SAW:

“Sebutlah kebaikan orang yang telah mati dan berhentilah dari menyebut keburukan mereka”. (Riwayat at-Tirmizi)



9

Mengambil langkah-langkah keselamatan.

Pegawai dan petugas perubatan kerajaan yang menjalankan bedah siasat mayat hendaklah mengambil kira langkah-langkah keselamatan terutamanya dalam pengendalian mayat yang berisiko terutamanya bagi kes penyakit berjangkit.

10

Menguruskan mayat dan sampel kajian (organ atau tisu) selepas bedah siasat dengan sebaik-baiknya.

- Anggota mayat yang dibedah hendaklah dijahit semula dengan kemas.
- Semua organ atau tisu yang diambil untuk kajian hendaklah dikembalikan kepada mayat sebelum mayat disempurna dan dikebumikan.



- Bagi kes yang memerlukan kajian dan penyelidikan ke atas sampel dari mana-mana anggota mayat yang memakan masa lama (disimpan bertahun-tahun dalam makmal) kerana kekurangan pakar, penyakit masih tidak dapat dikenalpasti, kekurangan alat dan sebagainya, maka jenazah hendaklah disempurnakan dan dikebumikan dahulu. Manakala organ atau tisu yang diambil untuk kajian hendaklah ditanam atau diserah kepada waris atau pihak bertanggungjawab.
- Kajian dan siasatan ke atas sampel yang diambil hendaklah dijalankan dengan segera.

11

Tidak mengambil tisu atau organ mayat.

Pegawai dan petugas perubatan kerajaan tidak dibenarkan mengambil mana-mana tisu atau organ daripada mayat yang dibedah siasat melainkan dengan kebenaran undang-undang. (Akta Tisu Manusia 174 - Akta 130).

12

Orang yang dibenarkan hadir semasa bedah siasat mayat.

Hanya petugas bedah siasat mayat dan pihak berkuasa yang berkaitan sahaja dibenarkan berada di dalam bilik bedah siasat semasa bedah siasat dijalankan. **SR**



Almunirah binti Alam
Pembantu Pustakawan, JAKIM



Pemandu lori itu membunyikan hon berkali-kali, sambil menggerak-gerakkan tangan menyuruh aku ke tepi. Nasib baik dia sempat berhenti semasa aku terjatuh tadi. Kalau tidak... gelap sudah dunia aku jawabnya.

Aku bangun, terus mengibas-ngibas seluar. Membuang pepasir dan habuk yang melekat sekadar yang termampu. Bakul yang berisi nasi lemak dan kuih-muih diangkat. Sempat aku melihat sekilas kuih-muih yang berterburu di atas jalan raya itu sebelum bergegas ke deretan kedai di tepi jalan.



Aduh, membazirnya!

Sayang. Luka pada lengan akibat terjatuh di atas jalan yang berbatu kerikil itu dihiraukan. Aku lebih risau tentang kuih-muih yang masih ada dalam bakul biru cerah yang sedang aku bawa itu. Bilangannya hanya tinggal kurang separuh daripada jumlah asal yang aku bawa dari rumah.

Sementara yang lain yang sudah berterburu di atas jalan raya itu dilenyek-lenyek oleh pelbagai jenis kenderaan tanpa belas kasihan. Sayang sekali. Kuih lapis, koci, dan karipap yang sebelum ini mempunyai warna tersendiri kini sudah lumat dan sebatik dengan permukaan jalan raya yang berwarna kelabu gelap itu.

Ah, nak buat macam mana? Benda dah jadi...



Aku mengeluh. Pagi itu cuacanya agak panas. Matahari agak terik tidak seperti hari-hari biasa. Lebih mencabar untuk berniaga. Cahaya matahari yang memancar menyilaukan pandangan terutamanya semasa aku hendak melintas jalan tadi. Silau sehingga aku jatuh terjelepok akibat terpijak kulit pisang di tengah-tengah jalan. Agak klise tetapi itulah yang berlaku.

Hari itu hari Sabtu. Biasanya hujung minggu memang aku akan tolong ibu berniaga. Ibu buat kuih, masak nasi lemak dan sebagainya, dan aku akan merantau ke bandar, menjual sebanyak mampu produk air tangan ibu.

Sebenarnya masakan ibu semua sedap-sedap. Aku tahu. Aku selalu rasa. Cuma apabila ia dijual dengan gaya macam itu, susah untuk dapatkan pelanggan yang mahu beli. Yalah, aku pun berniaga cuma memakai pakaian biasa. Baju lama, seluar lama. Tidak berjenama seperti golongan remaja lain masa kini. Terutamanya yang selalu berlegar-legar di bandar. Gaya orang zaman sekarang, lebih menilai buku pada kulitnya.

Tetapi, apakan daya. Baju sekolah pun aku ada satu saja. Seminggu sekolah, seminggulah aku pakai baju itu. Aku tak kesah. Bagi aku itu

tidak penting. Yang penting, adik-adik dapat merasakan apa yang aku tak dapat rasa. Biar wang hasil titik peluh aku ini digunakan untuk membeli apa-apa kelengkapan dan keperluan buat tiga orang adikku itu. Biar mereka tersenyum. Biar ibu tersenyum. Apabila semua tersenyum, aku bahagia.

Maka pagi itu aku teruskan urusan jual beli seperti biasa. Urusan ini memang memerlukan aku untuk bergerak dan bertemu dengan orang-orang yang aku tidak kenali. Entah sesiapa yang aku dekati, aku tak peduli. Yang penting aku dapat meraih sedikit keuntungan.

“Dik, mari sini...” Seorang nyonya tua melambai, memanggilku ke arahnya dalam pelat Cina.

“Nak beli kuih ke, auntie?” Aku menghampirinya. Tutup bakul dibuka. Nyonya itu mengerling ke dalam bakul, meneliti isi kandungannya.

“Apa lagi kuih yang ada?”

“Ada... alamat! Kuih dah habislah pulak, auntie...” Baruku perasan kuih sudah habis. Aku tak sempat check selepas berjaya melakukan beberapa jualan tadi.

“Umm, tapi nasi lemak adalah...” Aku memandang ke arahnya. Nyonya itu melihat ke dalam bakul semula. Wajahnya seperti sedang berfikir, nak beli, tak nak beli? Aku mencapai sebungkus nasi lemak lalu menghulurkan kepadanya.



“Cuba auntie bau.”

Bungkusan nasi lemak bertukar tangan. Dia mendekatkan bungkusan itu ke hidung.

Hidu.

Aku tersenyum tatkala mata sepet nyonya itu terbuka luas. Kan betul aku kata masakan mak sedap.

“Wah, sedap ho? Ada berapa lagi?” tanyanya.

“Ada tiga lagi, aunty.”

“Okey, saya nak beli semua. Nak bagi famili makan...” Dia menghulurkan wang, aku pulangkan baki. Settle.

Alhamdulillah. Habis jual semua makanan hari ni.

Aku menapak ke sebuah bangku panjang berhampiran lalu duduk di hujung bahagian kanan.

Bakul aku letakkan di atas lantai.

Huuuhh...

Aku menghela nafas sambil menoleh ke kiri, ke hujung bahagian kiri bangku. Seorang budak lelaki yang hampir sebaya sedang duduk di situ. Memang dia sudah ada di situ sebelum aku tiba lagi.

Aku meneliti susuk tubuhnya dari hujung atas ke hujung bawah. Memang terbaik. Paras rupa boleh tahan. Tubuh agak berisi, kulit putih licin. Pakaian kemas dan berjenama. Baju, seluar, kasut. Semua berjenama. High class. Memang patut pun wajahnya tampak tenang dan asyik tersenyum. Barangkali orang kaya. Kemudian aku bandingkan dengan diriku. Jauh berbeza.



Buat seketika, aku cemburu.

Macam-macam yang aku fikirkan, bayangkan. Mesti duit dia banyak. Hidup senang, semua perkara ada orang yang uruskan, makan sedap-sedap, apa-apa barang yang dia nak beli, mesti dapat...

“Assalamualaikum...”

Erk! Aku tersentak. Hampir terjatuh dari bangku aku dibuatnya. Tiba-tiba saja dia bagi salam.

“Umm, hehe. Wa’alaikumsalam...”

“Tengok apa, bro?” tanyanya dengan wajah tersenyum.

“Er, tak ada apa-apa. Tak ada apa-apa.” Aku malu. Kepala yang tak gatal digaru-garu.

“Aku Fizi. Kau?” Dia menghulurkan tangan. Ramah juga orangnya.

“Oh, um. Aku Amir.” Salam dijabat.

“Buat apa kat sini, Amir?”

“Adaaa... jual kuih. Tolong mak sikit.”
Aku mengangkat sedikit bakul biru itu. Fizi mengangguk.

“Ada lagi? Aku tak sarapan lagi ni...” Fizi mengusap-usap perutnya.

“Alah, sorry, Fizi. Dah habislah.”

Fizi tersenyum. *“Haha. Tak apalah.”*

“Kau pulak? Tengah tunggu orang ke?”
Aku membuat andaian. Fizi angguk.

“Tengah tunggu mak. Dia pergi cari parking sekejap.”

“Hmm, mesti best kan?” tanyaku. Fizi angkat keping. Barangkali kurang faham.

“Jadi anak orang kaya, hidup senang. Mesti banyak duit. Tak macam aku. Hidup susah, nak kena bergelut untuk dapatkan sesuatu. Duit? Lagilah. Kalaulah aku jadi kau, hmmm...” Nadaku berbaur hampa.

“Eh, jangan cakap macam tu Amir...” Fizi menggeleng kepala sedikit.

“Allah jadikan kita ni, masing-masing ada kekurangan dan kelebihan.” Fizi senyum.

“Aku faham kau hidup susah. Aku pun... pernah mengalami perasaan macam tu. Tapi bukan ke Allah jadikan setiap sesuatu tu ada hikmah tersendiri di sebaliknya?”

Aku tersentak. *“Kau kata... kau pernah mengalami perasaan macam tu? Takkallah. Kau anak orang kaya. Hidup senang...”*

Belum sempat aku habiskan ayat, seorang wanita datang menghampiri Fizi dengan sebuah kerusi roda.

“Jom, Fizi? Kita pergi makan...” katanya dengan senyuman terukir di bibir. Dia kemudian menoleh ke arahku dan mengangkat tangan tanda salam perkenalan.

Fizi kelihatan bersusah-payah menolak tubuhnya sendiri dari bangku ke atas kerusi roda itu.

“Ada nikmat yang kita tak boleh kecapi dengan duit, Amir...”

Mereka berlalu pergi.

Lidahku kelu. Sedar bahawa aku lupa untuk bersyukur.

Astaghfirullah al-Azim...

“Dan ingatlah juga, tatkala Tuhanmu berfirman; Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih”. (Surah Ibrahim: Ayat 7). **SR**



GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM COVID-19

Muhammad Afif bin Jamal
Imam Masjid Negara.



Kes jangkitan virus COVID-19 buat pertama kali berlaku di Malaysia ialah pada 25 Januari 2020 sepetimana yang telah disahkan oleh KKM. Ia melibatkan tiga individu yang telah disahkan positif COVID-19. Semenjak itu, jumlah kes jangkitan virus ini semakin meningkat dari sehari ke sehari.

Ringkasan Kes COVID-19 pada 24 JUN 2020

Kes baharu dilaporkan: 6

Jumlah keseluruhan kes dilaporkan di Malaysia: 8,596

Kes sembah: 45

Jumlah keseluruhan kes sembah: 8,231

Jumlah keseluruhan kes di ICU: 2

Kematian: 0

Jumlah keseluruhan kematian: 121

Nasihat berkaitan COVID-19

- Patuh kepada PKPB
- Elakkan keluar dari rumah, kecuali untuk urusan-urusan yang penting sahaja
- Mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa
- Mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*)
- Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kementerian Kesihatan Malaysia

Keadaan yang kritikal ini telah mendapat perhatian yang serius oleh pihak kerajaan sepetimana yang disuarakan oleh YB Senator Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Beliau telah meminta supaya Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) diadakan bagi membincangkan beberapa isu yang berkaitan kepentingan umat Islam khasnya kesan daripada virus COVID-19 ini. Antara perkara yang dibincang dan diputuskan melalui Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI yang bersidang pada 15 Mac 2020 tersebut ialah mengenai pengurusan jenazah muslim COVID-19. Resolusi Muzakarah ini menetapkan bahawa:

“Dalam keadaan sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia, iaitu pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratkan kepada

nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Dalam hal ini dibolehkan jenazah itu diuruskan melalui prosedur tayammum yang paling ringan risiko dan kesan bahayanya seperti melakukan tayammum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut sahaja”

Bagi menyahut seruan dan merealisasikan keputusan tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 22 Mac 2020 telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pengurusan Jenazah COVID-19 bagi membantu menguruskan jenazah pesakit COVID-19 yang beragama Islam. Pasukan yang ditubuhkan sejak wabak ini melanda negara telah diberi penjelasan dan penerangan mengenai kaedah pengurusan jenazah berpandukan pandangan hukum yang diputuskan oleh Muzakarah Khas MKI tersebut. Ia melibatkan seramai 34 orang petugas yang terdiri daripada petugas lelaki dan wanita yang terdiri daripada pegawai JAKIM dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Jumlah petugas ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan.



Berikutan itu suatu garis panduan perlu diwujudkan untuk dijadikan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada para petugas pengurusan jenazah orang Islam COVID-19 di seluruh negara. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dengan kerjasama rakan-rakan strategik telah bersama-sama merangka dan menyediakan garis panduan ini berpandukan kepada ketetapan resolusi Muzakarah Khas MKI, ketetapan garis panduan pengendalian jenazah, pandangan pakar-pakar kesihatan dan kawalan penyakit berjangkit daripada KKM.

Penyediaan garis panduan adalah hasil kerjasama daripada JAKIM, PMWP, KKM dan JAWI. Garis panduan ini dinamakan sebagai “GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM COVID-19”.

LANGKAH / PROSEDUR

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
PRA PENGURUSAN JENAZAH			
1.	Mengesahkan kematian kes COVID-19	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
2.	Memaklumkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> I. Jabatan Perubatan Forensik (JPF)/MORTUARI II. Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (PPKP) III. Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) IV. Waris 	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
PRA PENGURUSAN JENAZAH			
3.	Membuat pengecaman jenazah	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN WARIS
4.	Mengeluarkan permit pengkebumian	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
PENGURUSAN JENAZAH			
1.	<p>Menyediakan peralatan keperluan pengurusan jenazah termasuk <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Sarung tangan getah II. Apron plastik III. Pelindung Mata IV. <i>Mask/Pelitup muka</i> V. <i>Boot</i> getah/Kasut getah VI. <i>Body bag/Beg mayat</i> VII. 2 helai kertas A4 untuk meletak debu tanah tayammum VIII. Debu tayammum secukupnya 	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
2.	<p>Mengurus jenazah:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Membalut jenazah: <ul style="list-style-type: none"> Lapisan pertama: Linen putih Lapisan kedua: <i>Body bag</i> 1 pertama Lapisan ketiga: <i>Body bag</i> 2 kedua Semburan nyah kuman bagi lapisan ketiga 	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
		WAJIB	JAIN/MAIN

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
PRA PENGURUSAN JENAZAH			
	<p>Tayammum Jenazah:</p> <p>II. Tayammum dilakukan ke atas jenazah yang telah dibungkus dengan lapisan ketiga.</p> <p>III. Proses Tayammum dilakukan mengikut hukum syarak:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Petugas perlu dalam keadaan berwuduk dan lengkap berpakaian seperti prosedur yang ditetapkan oleh KKM. 2) Meletakkan debu tayammum pada 2 helai Kertas A4 yang berasingan. 3) Petugas tayammum perlu memastikan kedua-dua belah tapak tangan yang bersarung berkeadaan bersih. 4) Lekapkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan Debu Tayammum 1 (Kertas A4 Pertama). 5) Tipiskan debu tayammum yang terdapat di tapak tangan. 6) Niat tayammum ke atas jenazah. 7) Sapukan kedua-dua tapak tangan ke bahagian muka jenazah. 8) Membersihkan baki debu yang berada di tapak tangan. 9) Lekapkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan Debu Tayammum 2 (Kertas A4 Kedua). 10) Mulakan sapuan tangan kanan petugas ke atas tangan kanan jenazah, bermula dari hujung jari hingga ke siku. 11) Diikuti sapuan tangan kiri petugas ke atas tangan kiri jenazah, bermula dari hujung jari hingga ke siku. 		JAIN/MAIN 3 orang petugas: 1 Petugas Tayammum 2 Petugas Solat Jenazah Petugas Tayammum mengikut jantina jenazah

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
PRA PENGURUSAN JENAZAH			
3.	Mencium/memeluk jenazah	TIDAK DIBENARKAN	SEMUA
4.	Menunaikan Solat Jenazah: <ul style="list-style-type: none"> I. Solat jenazah HANYA dilaksanakan di ruang yang telah ditetapkan hospital. II. Hanya 2 orang petugas sahaja yang dibenarkan. III. Jarak kedudukan di antara imam dan jenazah adalah 1 meter, manakala jarak di antara imam dan makmum juga adalah 1 meter. 	WAJIB	JAIN/MAIN Petugas Tayammum tidak dibenarkan solat jenazah
PENGKEBUMIAN JENAZAH			
1.	Mengkebumikan jenazah: <ul style="list-style-type: none"> I. Tidak melebihi 4 orang (termasuk waris) yang BUKAN dalam kalangan: <ul style="list-style-type: none"> 1) Kontak rapat kepada kes positif COVID-19. 2) Orang yang disyaki COVID-19. 3) Orang yang bergejala COVID-19. II. Semua petugas dan waris perlu berpakaian lengkap dengan PPE yang disediakan dan ditetapkan oleh KKM. 	WAJIB	PKD/PPKP JAIN/MAIN WARIS *Pengkebumian dilaksanakan oleh waris/pihak yang menuntut dengan penerangan dan pemantauan PKD/PPKP dari awal sehingga selesai.
2.	Menyelia pengkebumian jenazah	WAJIB	PKD/PPKP JAIN/MAIN
3.	Membersihkan diri: Semua petugas dan waris perlu membersihkan diri mengikut garis panduan KKM	WAJIB	PKD/PPKP JAIN/MAIN WARIS

Nota ringkas: I. JAIN: Jabatan Agama Islam Negeri
 III. PKD: Pejabat Kesihatan Daerah
 V. PPKP: Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan

II. MAIN: Majlis Agama Islam Negeri
 IV. JPF : Jabatan Perubatan Forensik

ZAKAT

BARANG-BARANG PERNIAGAAN

Dyg Sitiawa binti Pg Shamsudin
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

“Barang-barang perniagaan ialah semua mata benda perniagaan yang diniatkan untuk tujuan bermula seperti barang-barang runcit, makanan, minuman, pakaian, kenderaan, pelbagai alatan dan lain-lain”. (Risalah Ibadat Zakat terbitan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan)

Dengan kata lain:

Barang-barang perniagaan:

- Sebarang rupa perniagaan yang memperdagangkan barang-barang.
- Sebarang perusahaan yang mengeluarkan barang-barang.
- Sebarang usaha mengambil upah seperti pengangkutan udara atau laut atau darat.

Orang-orang Islam yang menjalankan perniagaan dan cukup syarat-syaratnya, wajib membayar zakat barang-barang perniagaannya.

Dalil wajibnya ialah firman SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik ..” (Surah al-Baqarah: 267)

Dalam Kitab *Al-Taj al-Jami' lil Usul* (Jilid 2 : M/S 20) Mujahid, RHM berkata: Turunnya ayat ini mengenai perniagaan.

Di dalam hadith pula diterangkan seperti berikut:

Dari Samurah bin Jundub RA katanya: “Rasulullah SAW ada memerintahkan kami supaya mengeluarkan zakat dari apa yang kami sediakan untuk jualan.”

(Hadith Hasan - Riwayat Abu Daud)



Syarat-Syarat Wajib Zakat Perniagaan

Syarat-syarat wajib ialah:

- (1) Islam.
- (2) Merdeka.
- (3) Hak milik yang sempurna.
- (4) Genap setahun perniagaan dijalankan.
- (5) Cukup nisab pada tarikh perniagaan ini genap setahun.

“Nisab zakat barang-barang perniagaan” sama seperti “nisab zakat wang”.

Oleh kerana mata wang Malaysia berdasarkan emas, maka nilaiannya ini sentiasa berubah-ubah, turun naik, mengikut harga emas dalam pasaran.


Kadar Zakat Perniagaan

Kadar zakat perniagaan yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 2.5% atau $1/40$ daripada semua nilaiannya harga barang-barang diperniagakan pada tarikh cukup setahun perniagaan dijalankan”.

Cara Mengeluarkan Zakat Perniagaan

Semua barang-barang yang ada masa genap setahun perjalanan perniagaan hendaklah dinilai harganya mengikut harga pasaran. Kemudian dicampurkan “dengan wang yang ada dalam tangan, wang dalam bank, hutang dalam tangan orang (jika terjamin bayarannya) dan lain-lain wang pusingan.

Kalau semua itu setelah dicampur cukup nisabnya atau lebih, maka zakatnya yang diwajibkan ialah **2.5%.** SR



Ujian dan JANJI KEMENANGAN

Abdul Karim bin Zakaria
Imam Masjid Putra, Putrajaya.

Wahai hamba-hamba Allah,

Bertakwalah kamu kepada Allah dengan mengikut segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Carilah bekalan, maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan (dunia dan akhirat) adalah bertaqwa kepada Allah. Maka sesungguhnya berjaya dan selamatlah orang-orang yang bertaqwa kepada Allah.

Saudaraku muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memahami firman Allah SWT

Maksudnya **“Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, sedangkan belum sampai kepadamu ujian sebagaimana yang pernah berlaku ke atas umat yang terdahulu sebelum kamu? Mereka telah ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan serta digoncangkan dengan pelbagai cubaan sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya: Bilakah lagi akan datangnya pertolongan Allah?” Ingatlah sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat”**. (Surah al-Anbabut ayat 3)

Ayat ini ditujukan kepada orang yang lemah semangat di kalangan umat Islam dan yang bertanya, bilakah Allah menunaikan janji untuk memenangkan Islam ini? Islam dihentam oleh musuh-musuhnya yang datang daripada segenap penjuru. Tidakkah Allah itu Maha Berkuasa? firman Allah SWT bermaksud

“Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: “Jadilah engkau!”. Maka ia terus menjadi”.

Mengapa Allah tidak jadikan kemenangan itu dalam seklip mata? Tidakkah Allah itu Maha Berkuasa? Pertanyaan ini bukan sahaja oleh orang-orang Islam di zaman ini, tetapi termasuk di zaman Rasulullah SAW. Apabila mereka disiksa yang ketika mereka berada di Makkah, khususnya dikalangan mereka yang lemah tidak berdaya dan tidak ada pelindung lalu mereka mengadu kepada Rasulullah SAW. Kata Khabab bin Al-Arat RA Kata Khabab

“Mengapa Rasulullah tidak memohon pertolongan untuk kami? Mengapa

Rasulullah tidak berdoa untuk kami?”

Jawab Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya umat sebelum kamu ada yang ditanam hidup-hidup, ada yang dibelah dari kepala dengan gergaji sehingga terbelah dua tubuhnya, ada yang disikat tubuh dengan sikat besi yang meluruhkan kulit, daging dan urat sehingga ke tulang, tetapi tidak menghalang mereka dari agamanya. Demi Allah, akan disempurnakan urusan agama ini sehingga orang yang berjalan dari Sana'a ke Hadramaut tidak takutkan lagi melainkan kepada Allah dan tidak takutkan serigala yang mengganggu kambing ternakannya, tetapi kamu adalah orang-orang yang terlalu gopoh”.

Kemenangan Allah itu sangat mahal harganya untuk dibayar dengan harta dan jiwa raga serta pengorbanan. Kemuliaan iman yang diberi oleh Allah kepada manusia mengatasi malaikat di langit dan makhluk-makhluk yang lain. Allah meletakkan manusia di dalam syurga pada hari kiamat, sedangkan malaikat itu menjadi pekerja-pekerja. Manusia akan mendapat nikmat di dalam syurga yang penuh dengan nikmat. Tetapi syurga itu mesti dibayar dengan harga yang mahal, iaitu dibayar dengan iman. Iman yang mahal itu diuji oleh Allah SWT dengan ikhlas dan jujurnya kepada Allah. Maka mereka yang beriman dihentam dan digangu oleh musuh-musuh, serta disiksa diri, harta, keluarga dan kedudukannya. Kehidupannya sangat mencabar. Hanya mereka yang tahan uji sahaja mendapat kejayaan yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Demikianlah yang dialami oleh umat di zaman dahulu sehingga orang menganggap Islam suatu





yang mustahil untuk mencapai kemenangan. Ketika Nabi Nuh AS berjuang selama 950 tahun, dalam perjalannya, orang mengatakan Nabi Nuh AS mustahil mendapat kejayaan dan kemenangan dalam dakwahnya. Setelah itu, Allah membinasakan musuh-musuhnya dengan taufan yang besar. Maka Nabi Nuh AS dan pengikutnya diberi kemenangan oleh Allah SWT.

Nabi Ibrahim AS menghadapi Namrud yang menakluk dunia dengan bala tentera yang ramai. Nabi Ibrahim AS dihalau oleh raja dan ayahnya. Lalu meninggalkan tanah airnya dan hidup berdagang. Orang menganggap Nabi Ibrahim AS gagal mengalahkan Namrud. Tetapi apabila tiba masanya, Allah SWT membinasakan Namrud dan bala tenteranya dengan nyamuk yang dianggap lemah.

BegitujugadenganNabiMusaASyangmenghadapi Firaun, di zamannya yang mempunyai berjuta bala tentera. Nabi Musa AS yakin dengan pertolongan Allah SWT. Baginda sanggup berjuang puluhan

tahun sehingga Allah memerintah Nabi Musa AS berhijrah meninggalkan negeri Mesir bersama dengan pengikutnya. Apabila mereka sampai di tepi Laut Merah, mereka berasa cemas kerana Firaun dan bala tenteranya yang ramai berada di belakang mereka. Allah Ta'ala berfirman:

“Setelah kedua-dua kumpulan itu nampak satu sama lain, berkatalah orang-orang Nabi Musa: “Sesungguhnya kita akan dapat ditawan.”

Nabi Musa AS menunjukkan keyakinannya kepada Allah SWT:

“Nabi Musa menjawab: “Tidak! Jangan fikir (akan berlaku yang demikian)! Sesungguhnya aku sentiasa disertai oleh Tuhan ku (dengan pemeliharaan dan pertolongan-Nya), ia akan menunjuk jalan kepadaku.”

Akhirnya Firaun dibinasakan oleh Allah SWT bersama bala tenteranya manakala Nabi Musa AS menuju ke Palestin dan Baginda wafat di sana. Kemenangan dunia disambung oleh pengikut-pengikutnya yang setia dan beriman.

Begitulah Nabi kita Muhammad SAW, mempunyai keyakinan kemenangan yang dijanjikan oleh Allah SWT ketika berhijrah hanya bersama-sama Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA. Walaupun Baginda diburu oleh Suraqah bin Malik, pahlawan Quraisy dengan senjata yang terhunus. Allah menyelamatkan baginda Rasullullah daripada dibunuhi oleh Suraqah dan akhirnya melutut di hadapan Nabi SAW. Nabi bersabda: "Wahai Suraqah, aku janjikan kepadamu hadiah gelang emas kebesaran kerajaan Parsi".

Akhirnya, janji Rasulullah SAW ditunaikan oleh Saidina Umar bin Al-Khattab dengan menyerahkan gelang tersebut setelah kejatuhan kerajaan Parsi di zaman pemerintahannya.

Walaupun kita ditimpa pelbagai fitnah dan ??? perjuangan namum dengan kekuatan iman dan kesabaran, maka segala halangan dapat diatasi dengan jayanya ingatlah janji Allah tetap benar sebagaimana firmanya yang bermaksud: "Sesungguhnya tiap-tiap kesusahan disertai kemudahan" dan firmanNya yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela agama Allah, nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu." surah al-Sharh 6 dan surah Muhammad 7. **SR**



الله توہنکو دان توہن کامو

Norsiah binti Mohd Halel
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

الله سبحان الله تعالى توہن سکلین عالم، تیاد توہن سلاعینش. سسیافا یع مغاتاکن اد توہن لاءین سلاعینش اتاو مغاتاکن توہن ایت تیک، مریک تله لاری دری لندسن یع لوروس دان براد دالم کسستن یع پات.

"واهای اهلي کتاب (يهودي دان نصراني)! جاغنله کامو ملمقاوئي باتس دالم فرکارا اکام کامو، دان جاغنله کامو مغاتاکن سسوواتو ترہادف الله ملاعینکن یع بنز؛ سسوغکوہن المسيح عيسى ابن مریم ایت هان ساورغ قسوروه الله دان کلیمة الله یع تله دسمقاوکن کفڈ مریم، دان (ای جونگ تیوفن) روح درقدن. مک برایانله کامو کفڈ الله دان رسول-رسولش، دان جاغنله کامو مغاتاکن: "توہن ایت" ۳. برہنتیله (درقد مغاتاکن یع دمکین)، سوچایا منجادی کباءیقن باخی کامو. هاش سان الله ایاله توہن یع مها اسا، مها سوچی الله درقد مغقوپاءی انق. باخی الله جواله سکالا یع اد دلاعیت دان یع اد دبومي. دان چوکوڤله منجادی ڦغاول (یع منتديركن سکالين مخلوقن)." [سورة النساء ۱۷۱]

إِنَّ اللَّهَ رَبُّكُمْ وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

"سسوغکوہن الله ایاله توہنکو دان توہن کامو، اولیه ایت، برعبدتله کامو کفڈا. اینله جالن یع لوروس." [سورة ال عمران ۵۱]

منوروت شيخ السعد دالم تفسير: "اينله دعوهنبي عيسى عليه السلام يعني سام سفرتي ثارانبي دان رسول سلاعینش، سام ۲ معاجمق ماءنسی متتوحیدکن الله. نامون قومن مندوستاکن بکیندا دان تیدق ماہو برایان. دالم ایات این ترداشت بتنهن ترہادف اورغ ۲ نصراني یع میقینی کونسیف ترینیتی یاءیت ساتو کفرچایاعن بهاوا توہن تردیری ۳ اوکنوم توہن باش، توہن انق دان روح القدس سبېرن اجرن این برتنن دغۇن اجرننبي عيسى عليه السلام. یاءیت برعبدة کفڈ الله، دان منطاعتی رسولن.

فربواتن شيريك برمقصود سسواتو فربواتن يع مېکوتوكن الله دالم اف جونك بتوق سام اد فركاتاون، فکعن، فربواتن دان اعتقاد. ياءيت دعن منجاديكن سواتويث لاءين سام اد مخلوق برباوا اتاو سباليقىن مپاماءي باڭي الله سبحان الله تعالى. چونتوه كشيريكن دان روسقىن شهادة اياله:

جالن يع لوروس منوجو كشرنى اياله دعن برايمان هاش كىد الله، مېقىني ۋارا رسول اداله اوتونىنى، تىدق معاڭاكن سسواتو تىتەن ملاعىنلىكىن يع بىر دان برعابادە هاش كىدان تىقا منشىرىيكلەرنى.

١) مراكوعى اتاو منافىيكن كوجودن دان كائنوغان الله.

٢) موجا نصىب دان مېرچاياعى سسواتو او بىجىك مۇھۇم ئاعىي كرامت ترىتىن.

٣) فربواتن ترلالو موجا دان مندىواكن او رغ اتاو ئىميمقىن ترىتىن سەھىيەنگىن مىشىمىش.

٤) مىحالىكىن فركارا حرام دان سباليقىن.

٥) معاڭو كلوار درىد إسلام.

٦) فربواتن رياق دالم بىر عمل اتاو ملاكوكن سسواتو فركارا دعن مۇھارەف ۋوجىن سرتا بالىسى.

بەكىن مريك جونك ترکولوغ درى كالغان اورغ كافير دان باكل مېتراولي عذاب يع تىدق ترڤري دەشتىن. [روجوع سورة المائدة ٧٣]

كعب الاحبر رحمة الله معاڭاكن: "ملائكة اكىن مورك، افي نراك اكىن ۋانس مپالا كتىك مريك مپواراكن اف يع مريك كاتاكىن". امام ابن كثير رحمة الله برکات: "تىدق اد سمبەن يع بىر حق دسمبە سلاعىن الله، تىدق اد سكوتوا باڭىن، تىدق اد يع سروقا دعنىن. الله تىدقىله مېلىيكتىي انق دان ايسترى. تىدق اد يع سأومقام دعنىن. الله ايت الاحد الصمد (مها اسا دان سموا مخلوق بركتۇغ قىدان). قىدا سخالا سسواتو ترداشت ايات (تندا كىواسەن الله)، ايت سموا منونجو قىن الله ايت اسا."

برهاتى-هاتىلە، بارغىكالى كىت تىلە ترسلاامت درىد ملاكوكن فركارا يع مباوا كىد شيريك دان ككافيرن سچارا ترۇغ-تراغن سەفترىي معاڭاكن الله ايت تىكىن، نبى عيسىي انق الله، مېمبە بىرھالا توکۈغ اتاو اف سەھاج يع مېماكىن دعن الله سبحان الله تعالى. تىتەن تىدق مېكوتوكن شيريك كىدۇ؟ سچارا ترۇغ ايت، كىت تىدق ملاكوكن شيريك كىدۇ؟



Tadabbur kalam Allah 4 Syawal 1441H

ALLAH TUHANKU DAN TUHAN KAMU

Norsiah binti Mohd Halel
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

إِنَّ اللَّهَ رَبُّكُمْ وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صَرْطٌ
مُسْتَقِيمٌ

“Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu, beribadatlah kamu kepadaNya. Inilah jalan yang lurus”.

[Surah Aali Imran 51]

Menurut Syeikh as-Sa'di dalam tafsirnya: “Inilah dakwah Nabi Isa AS, yakni sama seperti para nabi dan rasul selainnya. Iaitu sama-sama mengajak manusia mentauhidkan Allah. Namun kaumnya mendustakan baginda dan tidak mahu beriman. Dalam ayat ini terdapat bantahan terhadap orang-orang Nasrani yang meyakini konsep triniti. Iaitu satu kepercayaan bahawa Tuhan terdiri 3 oknum iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruh al-Qudus. Sebenarnya ajaran ini bertentangan dengan ajaran Nabi Isa AS iaitu beribadah kepada Allah dan mentaati RasulNya.

Allah SWT Tuhan sekalian alam, tiada tuhan selainNya. Sesiapa yang mengatakan ada

tuhan selainnya atau mengatakan tuhan itu tiga, mereka telah menyimpang dari landasan yang lurus dan berada dalam kesesatan yang nyata.

“Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar. Sesungguhnya Al-Masih Isa ibn Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripadaNya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan janganlah kamu mengatakan: “(Tuhan itu) tiga”. Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian), supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhlukNya)”

[Surah an-Nisa' 171]

Bahkan mereka juga tergolong dari kalangan orang kafir dan bakal memperolehi azab yang tidak terperi dahsyatnya. [Rujuk Surah al-Ma''idah 73]

Ka'ab al-Ahbar rahimahullah mengatakan: "Malaikat akan murka, api neraka akan panas menyala ketika mereka menyuarakan apa yang mereka katakan."

Imam Ibn Katsir RHM berkata: "Tidak ada sembahyang yang berhak disembah selain Allah, tidak ada sekutu bagiNya, tidak ada yang serupa denganNya. Allah tidaklah memiliki anak dan isteri. Tidak ada yang semisal denganNya. Allah itu al-Ahad as-Shomad (Maha Esa dan semua makhluk bergantung padaNya). Pada segala sesuatu terdapat ayat (tanda kekuasaan Allah), itu semua menunjukkan Allah itu Esa".

Berhati-hatilah, barangkali kita telah terselamat daripada melakukan perkara yang membawa kepada syirik dan kekafir secara terang-terangan seperti mengatakan Allah itu tiga, Nabi Isa anak Allah, menyembah berhala/tokong atau apa sahaja yang menyamakannya dengan Allah SWT. Tetapi adakah dengan tidak menyekutukan Allah secara terang itu, kita tidak melakukan syirik kepadaNya?

Perbuatan syirik bermaksud sesuatu perbuatan yang menyekutukan Allah dalam apa juga bentuk sama ada perkataan, pegangan, perbuatan dan iktikad. Iaitu dengan menjadikan suatu yang lain sama ada makhluk bernyawa atau sebaliknya menyamai bagi Allah SWT. Contoh kesyirikan dan rosaknya syahadah ialah:

Kesimpulannya, jalan yang lurus menuju ke Syurga ialah dengan beriman hanya kepada Allah SWT, meyakini para Rasul adalah utusanNya,

tidak mengatakan sesuatu tentangNya melainkan yang benar dan beribadah hanya kepadaNya tanpa mensyirikanNya. **SR**

- 1 Meragui atau menafikan kewujudan dan keagungan Allah.
- 2 Menilik nasib dan mempercayai ramalannya.
- 3 Perbuatan terlalu memuja dan mendewakan orang atau pemimpin tertentu sehingga menyembahnya.
- 4 Menghalalkan perkara haram dan sebaliknya.
- 5 Mengaku keluar daripada Islam.
- 6 Perbuatan riak dalam beramal atau melakukan sesuatu perkara dengan mengharap pujian serta balasan manusia.



Adakah anda seorang **PENULIS?**

Mungkin daripada sini anda akan menjadi penulis terkenal!

Anda ingin cuba menulis?

Anda berhasrat memberi sumbangan dalam majalah SINAR ROHANI?

Anda boleh menulis daripada sekarang

Hantar sumbangan anda segera!!!

Bayaran akan dibuat setelah artikel anda diterima dan disiarkan.

BORANG SUMBANGAN

Nama :

Nama Samaran (Jika ada) :

Alamat :

Poskod : Negeri :

No K/P : No. Tel :

Pekerjaan :

Tahap Pendidikan :

No Akaun :

Bank :

Cawangan :

Tarikh :

PERHATIAN: Borang ini boleh difotostat.

- Sajak**
- Pengurusan Islam**
- Aqidah**
- Isu**
- Islam dan Semasa**
- Halal dan haram**
- Sains dan Islam**
- Cerpen**
- Global**
- Muamalat**

Sila yang berkenaan.

Hantar Sumbangan Anda ke alamat

Kedai Buku JAKIM

Cawangan Komersil dan Promosi

Bahagian Penerbitan JAKIM

Aras 1, 3 & 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya

No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,

Presint 3, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8870 7445 / 7446 Faks: 03-8870 7666

Emel : sinar.islam@1govuc.gov.my

Dapatkan

SINAR ROHANI

di

www.islam.gov.my

**BEST
SELLER**

RIADHUS SOLIHIN JAWI (JILID 1-6) EDISI BAHARU



Buku Riadhus Solihin mempunyai Jilid 1-6 (Jawi)
Edisi Baharu diterbitkan bertujuan memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap Masyarakat Islam mengenai pengajian bidang Hadith.

Jilid 1 (Jawi) Edisi Baharu ini terdiri daripada 17 bab yang mengandungi huraian seperti ikhlas, taubat, sabar, benar, pengawasan diri, yakin dan tawakkal, berpegang teguh diatas jalan yang lurus, memerhatikan kebesaran makhluk Allah dan sebagainya.

Jilid 2 (Jawi) Edisi Baharu

Buku ini terdiri daripada 28 bab yang mengandungi huraian mengenai larangan perkara Bid'ah, haram melakukan penganiaan, galakan menutup keaiban orang-orang Islam, nasihat kepada wanita, kewajipan terhadap keluarga dan sebagainya.

Jilid 3 (Jawi) Edisi Baharu

Buku ini terdiri daripada 15 bab yang mengandungi huraian seperti ikhlas, taubat, sabar, benar, pengawasan diri, taqwa, yakin dan tawakkal, berpegang teguh diatas jalan lurus, memerhatikan kebesaran makhluk Allah SWT dan sebagainya.

Jilid 4 (Jawi) Edisi Baharu

Buku ini terdiri daripada 82 bab yang mengandungi huraian seperti akhlak yang mulia, adab sopan, adab makan, adab memberi salam dan sebagainya.


Jilid 5 (Jawi) Edisi Baharu ini terdiri daripada 64 bab yang mengandungi huraian seperti adab menziarahi orang sakit, bab-bab berkaitan jenazah, musafir, wuduk, solat fardhu, solat sunat, dan sebagainya.

Jilid 6 (Jawi) Edisi Baharu ini terdiri daripada 35 bab yang mengandungi cara-cara menunaikan solat sunat dan kelebihan-kelebihan membayar zakat, berpuasa, menunaikan haji dan menuntut ilmu pengetahuan.

Ini penting kerana hadith merupakan salah satu sumber hukum yang mestи diketahui dan dipelajari oleh setiap muslim.

Selain menterjemahkan himpunan hadith pilihan Imam Nawawi Rahimahullah dalam kitab ini, beberapa pengajaran turut dimuatkan agar maksud sebenar dalam konteks pengertian hadith dapat difahami oleh pembaca dengan lebih mudah dan tepat.

Untuk pembelian secara online di Shopee boleh klik Link Kedai: shopee.com.my/kedaibukujakim
Sebarang pertanyaan boleh hubungi Kedai Buku JAKIM 03-8870 7446 atau layari laman sesawang
<http://www.islam.gov.my/e-penerbitan>



TAFSIR AL-WASIT JILID 1

Surah al-Fatihah - al-Nisa'

Kitab *Tafsir al-Wasit* merupakan karya penulisan Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili. Kitab ini diterjemah ke dalam Bahasa Melayu bagi memudahkan para pencinta ilmu memahami tafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara sederhana.

Ayat-ayat al-Qur'an diuraikan mengikut susunan surah dalam al-Qur'an dengan diberikan subtajuk secara khusus bagi memudahkan para pembaca memahami kandungannya.

Kitab ini juga menjelaskan tentang sebab-sebab diturunkan ayat-ayat al-Qur'an. Diberikan penjelasan dengan sokongan hadith-hadith Nabi SAW bagi menguatkan penceritaan yang berlaku. Diharapkan dengan terbitnya kitab terjemahan *Tafsir al-Wasit* ini dapat menyemarakkan lagi usaha terjemahan kitab-kitab teras sebagai rujukan umat Islam sejagat. Marilah kita sama-sama melebarkan risalah dan menyatuni ummah.

INFO BUKU

ISBN 978-983-042-562-7

Bil. Halaman : 582 | Harga : RM83.00

Diskaun 10% pembelian buku
RM51.00 dan ke atas